

19 FEB 1999

Lim-Saman

LIM SAMAN UTUSAN SEKURANG-KURANGNYA RM200 JUTA

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang akan menyaman akhbar Utusan Malaysia berjumlah antara RM200 juta dan RM300 juta.

Dalam kenyataannya di sini hari ini, Lim berkata beliau telah mengarahkan peguamnya untuk mengemukakan saman malu berjumlah antara RM200 juta dan RM300 juta terhadap akhbar itu Selasa depan kerana laporannya Sabtu lepas yang mendakwa beliau tidak berjiwa patriotik.

Jumlah muktamad akan ditentukan pada awal minggu depan, kata Lim.

Beliau berkata peguamnya mengambil kira dua saman malu yang dikemukakan baru-baru ini dalam menentukan jumlah gantirugi yang bakal dipohon dari Utusan Malaysia.

Yang pertama oleh Mirzan Mahathir, anak Perdana Menteri Datuk Dr Mahathir Mohamad, yang mengemukakan saman RM150 juta terhadap pencetak Asian Wall Street Journal (AWSJ) di Malaysia - Star Papyrus Printing Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Star Publications, dan yang kedua oleh Pengerusi Kumpulan Berjaya Tan Sri Vincent Tan yang menyaman Star Papyrus sebanyak RM200 juta.

Lim berkata peguamnya telah menyediakan satu saman malu antara RM200 juta dan RM300 juta terhadap Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir kerana kenyataan Kadir terhadapnya berhubung keadaan anaknya Lim Guan Eng di dalam penjara.

Katanya beliau telah mengarahkan peguamnya supaya menunggu dahulu kerana mahu memberi peluang kepada timbalan menteri itu membuat penjelasan bahawa beliau telah terkeliru oleh fakta dan data mengenai keadaan di penjara.

Lim berkata beliau akan mengarahkan peguamnya mengemukakan saman itu terhadap Abdul Kadir sekiranya beliau (Abdul Kadir) enggan menarik balik dakwaan yang dibuat terhadapnya.

-- BERNAMA

AR AHH AKD